

*43*  
NO. SOALAN: ...

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD IMRAN  
BIN ABD.HAMID (B) [ LUMUT ]**

**TARIKH : 24 MEI 2016 (SELASA)**

**SOALAN:**

Laksamana Pertama Mohamad Imran bin Abd Hamid (B) [ Lumut ]  
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kejayaan JAKIM mengkaderkan  
Pendakwah Orang Asal demi kemajuan Islam dan sejauh manakah  
kejayaannya serta apakah perancangan seterusnya yang melibatkan  
dakwah melalui media elektronik dan alam maya.

**JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI  
BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA  
MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, program dan aktiviti  
dakwah ini diselaras dan diuruskan bersama oleh Jabatan Agama Islam  
Negeri (JAIN), Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Jabatan Kemajuan

Islam Malaysia (JAKIM) serta Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan (NGO) Islam.

Bagi mendekati dan memberi tunjuk ajar mengenai Islam kepada masyarakat orang asli, terdapat pendakwah daripada kalangan masyarakat Orang Asli yang dilantik oleh Jabatan dan Majlis Agama Islam Negeri-negeri yang bertugas sebagai panel dakwah muallaf dan pembantu mubaligh. Disamping itu, seramai 21 orang daripada masyarakat Orang Asli dilantik sebagai Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) oleh JAKIM yang bertugas di perkampungan Orang Asli seluruh Semenanjung Malaysia. Penempatan mereka adalah di negeri-negeri yang diselia oleh Penyelaras, Ketua Penyelaras dan Pegawai Tadbir Agama di daerah-daerah.

Selain itu, JAKIM dengan kerjasama JAIN/MAIN mengenal pasti muallaf kalangan Orang Asal yang berpotensi untuk dihantar melanjutkan pelajaran di beberapa institusi agama dalam negeri untuk satu tempoh tertentu. Usaha ini telah menghasilkan ada di kalangan mereka telah mahir dalam bidang agama dan mampu berdakwah kepada masyarakat sendiri, malah dilantik sebagai imam dan bilal.

Justeru itu, JAKIM berhasrat membangunkan potensi pendakwah masyarakat Orang Asli dengan mengadakan latihan khusus, kursus dan lain-lain program supaya mereka berupaya menjadi pendakwah/da'ie yang berwibawa.

Sekian, terima kasih.

✓

**NO. SOALAN : 44**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK WEE JECK SENG [ TANJONG  
PIAI ]**

**TARIKH : 24 MEI 2016 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Datuk Wee Jeck Seng [ Tanjong Piai ] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-**

adakah Program Transformasi Ekonomi yang dirancang akan mencapai sasaran dan langkah penyesuaian yang dilaksanakan dalam menyelaras program Kerajaan dengan keadaan kemerosotan ekonomi global kini.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Transformasi Ekonomi (ETP) adalah sebuah usaha menyeluruh, merupakan pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi dan pelaburan yang diperlukan yang akan merubah Malaysia menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020. Program ini akan melonjakkan Pendapatan Negara Kasar (PNK) Malaysia daripada USD6,700 pada 2009 kepada USD15,000 pada 2020 dan menarik pelaburan berjumlah US\$444 bilion menjelang tahun 2020 yang mana 92 peratus daripada jumlah pelaburan dijangka daripada sektor swasta. Dijangkakan juga sebanyak 3.3 juta peluang pekerjaan baharu akan diwujudkan menjelang 2020, meliputi seluruh negara, termasuklah kawasan bandar dan luar bandar dan menyaksikan peralihan kepada golongan berpendapatan pertengahan dan tinggi.

Bagi mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi seperti yang disasarkan, Kerajaan akan meneruskan usahanya bagi mengukuhkan lagi asas-asas ekonomi negara bagi membolehkan Malaysia terus mencapai sasaran pertumbuhan tahunan KDNK yang ditetapkan. Melalui sokongan permintaan dalam negeri yang kukuh dan pemulihan dalam eksport, kita telah berjaya mencapai pertumbuhan KDNK yang menggalakkan sebanyak 5 peratus pada tahun 2015. Pertumbuhan ini adalah lebih baik dari jangkaan bertepatan dengan sasaran Kerajaan antara 4.5 hingga 5.5 peratus. Manakala, pertumbuhan KDNK

disasarkan berkembang antara 4 hingga 4.5 peratus pada tahun 2016. Sasaran ini telah diperaku oleh kebanyakan agensi penarafan antarabangsa seperti Standard & Poor's (S&P) yang menyatakan bahawa Malaysia akan terus kekal berada pada landasan pertumbuhan yang kukuh, dengan eksport barang perkilangan dan pertumbuhan dalam penggunaan swasta dan pelaburan memacu pengembangan ekonomi.

Di samping itu, sepanjang tempoh lima tahun transformasi ekonomi, sektor swasta telah berkembang dan menyumbang nisbah pelaburan yang lebih besar berbanding sektor awam. Pada tahun 2015, sektor swasta telah menyumbang 65 peratus daripada jumlah pelaburan di Malaysia berbanding 55 peratus pada tahun 2010. Jumlah pelaburan juga telah meningkat dengan pesat pada kadar purata sebanyak 8.3 peratus pada tahun 2011 hingga 2015, berbanding dengan hanya 5.3 peratus antara tahun 2006 hingga 2010.

Kerajaan komited untuk mengurangkan defisit fiskal yang mana pada tahun 2015, defisit fiskal berada pada paras 3.2 peratus daripada KDNK berbanding dengan 5.4 peratus pada tahun 2010.

Dengan pengukuhan asas ekonomi ini, Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita telah meningkat 4.6 kali daripada RM7,829 (AS\$2,847) pada tahun 1991 kepada RM36,285 (AS\$9,291)<sup>1</sup> pada tahun 2015. Jika dibandingkan dengan tahap minimum semasa PNK per kapita yang ditetapkan oleh Bank Dunia sebanyak AS\$12,736 untuk menjadi negara berpendapatan tinggi, Malaysia berada di landasan yang betul untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

---

<sup>1</sup> RM/AS\$:3.9055 (2015)

Pada 28 Januari baru-baru ini, Kerajaan telah mengumumkan 11 langkah proaktif di bawah pengubahsuaian Bajet 2016 bagi memastikan ekonomi dan kedudukan kewangan negara kekal berada pada jajaran yang betul di dalam keadaan ekonomi global yang tidak menentu. Langkah-langkah ini antara lain adalah untuk meningkatkan pendapatan boleh guna rakyat, mengurang kos sara hidup, meningkatkan pemilikan rumah terutama bagi golongan berpendapatan rendah, meningkatkan program latihan dan kemahiran termasuk kepada pekerja yang diberhentikan, memaksimumkan punca pendapatan serta mengoptimumkan perbelanjaan Kerajaan.

Berdasarkan kepada langkah dan strategi yang disebutkan tadi, serta langkah proaktif yang akan dirangka dari masa ke semasa, Kerajaan yakin negara mampu untuk terus mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang mampan serta berada di landasan untuk mencapai tahap ekonomi berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Namun, matlamat yang lebih penting adalah memastikan pencapaian pertumbuhan ekonomi diiringi dengan aspek inklusif dan kemampuan supaya kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat adalah setanding dengan peningkatan ekonomi.

Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN: 45**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN  
[ TEMERLOH ]**

**TARIKH : 24 MEI 2016**

**RUJUKAN : 9036**

**SOALAN:**

**Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [ Temerloh ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan langkah keselamatan yang diambil bagi mengawasi keselamatan di dalam tahanan selepas berlaku kes gangguan seksual melibatkan anggota penguatkuasa terhadap tahanan.**

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Bagi menjamin keselamatan tahanan semasa ditahan di lokap polis, Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah membuat semakan semula terhadap Prosedur Tetap Operasi (SOP) dan arahan-arahan yang berkaitan dengan keselamatan tahanan di lokap-lokap polis. Pada 1 Julai 2014, Prosedur Tetap Operasi (SOP) yang baru berkaitan pengurusan lokap PDRM telah dikeluarkan dan diedarkan kepada semua Ketua Polis Daerah (KPD) sebagai Pegawai Penjaga Lokap dan kepada Ketua Polis Balai (KPB) sebagai Timbalan Pegawai Penjaga Lokap untuk dipatuhi. Antara objektif SOP ini merangkumi perkara berikut:-**

- i) Sebagai satu garis panduan kepada semua Pegawai Penjaga Lokap (KPD), Timbalan Pegawai Penjaga Lokap (KPB), Penyelia Lokap dan Pengawal Lokap untuk pengurusan lokap yang cekap dan sistematik;**
  
- ii) Peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi dalam pengurusan lokap dari aspek keselamatan lokap serta keselamatan banduan ;**

- iii) Memberi nilai tambah di antara aspek kemanusiaan dan proses keadilan termasuk hak asasi ke atas banduan; dan
- iv) Meningkatkan tanggungjawab dan integriti pegawai polis semasa menjalankan tugas.

Di bawah Perintah Tetap Ketua Polis Negara A 118 Para 28.2, juga telah menjelaskan bahawa pengawal lokap tidak boleh membawa keluar banduan daripada lokap sesuatu Balai Polis sesuka hati atas apa tujuan sekalipun tanpa mencatit alasan-alasan untuk mengeluarkan banduan tersebut di dalam Buku Perharian Balai dan juga perlu mendapat kebenaran daripada Pegawai Penjaga Lokap (KPD) atau Timbalan Pegawai Penjaga Lokap (KPB) terlebih dahulu.

Sehubungan itu, dari aspek keselamatan orang tahanan dalam lokap polis, langkah-langkah yang terkandung dalam Perintah Tetap KPN (PTKPN), SOP dan Perintah Tetap KPD yang telah dikeluarkan dan dipraktikkan ketika ini adalah mencukupi.

Kes gangguan seksual yang berlaku di lokap polis baru-baru ini merupakan kes terpencil yang melibatkan seorang anggota dan ianya tidak mencerminkan kepincangan kepada keseluruhan pengurusan lokap polis. Kejadian tersebut berlaku di bahagian

**sel tahanan juvana di tingkat bawah yang tidak di lengkapi dengan pemantauan CCTV.**

**Tindakan tegas akan diambil kepada anggota yang terlibat dan juga kepada mana-mana anggota lain yang terlibat dalam siasatan yang sedang dijalankan.**

**SOALAN NO. : 46**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO**

**TARIKH : 24 MEI 2016**

**RUJUKAN : DR15**

**SOALAN :**

**Tuan Charles Anthony Santiago [ Klang ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan sama ada Kementerian berhasrat untuk meningkatkan denda untuk pembakaran terbuka. Adakah Kementerian akan mengambil alih tanah-tanah yang didapati menjalankan pembakaran terbuka, termasuk tanah swasta**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Jabatan Alam Sekitar sedang dalam proses untuk meningkatkan nilai kompaun untuk kesalahan melakukan pembakaran terbuka melalui semakan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 yang sedang dijalankan. Nilai denda bagi pihak yang disabitkan ke mahkamah bagi kesalahan melakukan pembakaran terbuka di bawah Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 adalah tinggi iaitu boleh dikenakan denda maksimum RM 500,000.00 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

Pihak Kementerian juga sedang meneliti dari segi peruntukan perundangan terutama dari segi kebolehlaksanaan untuk mengambil alih tanah-tanah yang didapati menjalankan pembakaran terbuka, termasuk tanah swasta dengan agensi-agensi yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.